

Bil. (166) di. JK/IP 32/53-A

Tarikh: 2hb. Februari, 1983.

Semua Yang Di Pertua, Mahkamah Sesyen

Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi

Semua Majistret, Mahkamah Majistret,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar No. (A) 1/1983

Kawalan Dan Penyimpanan Barang-Barang Kes (Exhibit)

Peruntukan bagi menanda, menyimpan dan mengembalikan barang-barang kes (exhibit) Mahkamah adalah sebagaimana terkandung di bawah:

- (i) Order 28 Rules 14 & 15 Subordinate Courts Rules 1976;
- (ii) Order 35 Rules 8 & 9 Rules of the High Court 1976; dan
- (iii) Seksyen 406A hingga 409 Criminal Procedure Code.

2. Untuk memastikan supaya barang-barang kes Mahkamah itu sentiasa berada dalam keadaan selamat serta memuaskan langkah-langkah yang berikut hendaklah diambil:-

- (i) Label yang mengandungi nombor kes, nombor barang kes dan pihak yang mengemukakan di Mahkamah hendaklah ditanda di tiap-tiap barang kes. Jika boleh, butir-butir kenyataan yang sedemikian hendak ditanda dengan cop di atas barang kes itu sendiri seperti barang kes yang berupa dokumen atau sebagainya.
- (ii) Barang-barang kes itu hendaklah disimpan di tempat-tempat yang difikirkan terjamin keselamatannya.
- (iii) Buku-buku Daftar Barang-barang Kes hendaklah sentiasa disimpan dalam keadaan yang memuaskan dan terkini.
- (iv) Pemeriksaan mengejut hendaklah diadakan dari masa ke semasa bagi menentukan buku-buku Daftar Barang-barang Kes itu sentiasa diselenggarakan dengan keadaan yang sempurna dan barang-barang kes itu sendiri selamat atau sempurna dikembalikan menurut Perintah Mahkamah atau kepada pihak berkenaan.
- (v) Mengembalikan barang-barang kes:-


(a) Dalam kes Jenayah menurut Perintah Mahkamah atau bagi barang-barang kes yang dipanggil Pegawai Penyiasat yang berhubung untuk mengambalnya.

(b) Dalam kes sivil kepada pihak yang mengemukakan

3. Barang-barang kes itu hendaklah dikembalikan menurut Perintah Mahkamah kepada pihak tertentu selepas satu bulan dari tarikh luputnya tempoh rayuan bagi kes berkenaan dengan bertujuan untuk memberi peluang kepada mana-mana pihak membuat permohonan kerana mengemukakan rayuan lewat masa. Jika keputusan rayuan terakhir telah selesai barang-barang kes itu hendaklah dikembalikan selepas sahaja keputusan itu dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

  
(SITI NORMA YAKOB)  
Ketua Pendaftar.

s.k.

1. Setiausaha kepada  
Y.A.M. Ketua Hakim Negara, Malaysia,  
Mahkamah Persekutuan,  
KUALA LUMPUR.
2. Setiausaha kepada  
Y.A. Hakim Besar Malaya,  
Mahkamah Tinggi,  
KUALA LUMPUR.
3. Setiausaha kepada  
Y.A. Hakim Besar Borneo,  
Mahkamah Tinggi,  
Kuching,  
SARAWAK.
4. Semua Setiausaha kepada  
Y.A. Hakim-Hakim,  
Mahkamah Persekutuan, Malaysia,  
KUALA LUMPUR.
5. Semua Setiausaha kepada  
Y.A. Hakim-Hakim,  
Mahkamah Tinggi,  
MALAYA dan BORNEO.
6. Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi, Borneo,  
Kuching,  
SARAWAK.
7. Timbalan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi,  
Kota Kinabalu,  
SABAH.